

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 11 JULAI 2017 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Syarikat perlu manfaat potensi inovasi grafin	Berita Harian
2	Pengeluar grafin sumbang pendapatan bernilai RM300j pada 2020	Sinar Harian
3	Kejutan kehadiran Perdana Menteri	Harian Metro
4	Mati akibat kencing tikus	Utusan Malaysia
5	"Tak diberitahu anak mati akibat kencing tikus"	Berita Harian
6	Graphene manufacturers to contribute RM 300 Mil revenue by 2020	Bernamea.com
7	IKLAN : ANUGERAH INOVASI NEGARA	The Star
8	IKLAN : ANUGERAH INOVASI NEGARA	Harian Metro

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B2**  
**TARIKH: 11 JULAI 2017 (SELASA)**



**Madius (tengah)** bersama **Presiden Phantoms Foundation**, Dr Antonio Correia (dua dari kanan) menyaksikan pertukaran dokumen antara dari kiri, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof Datuk Seri Dr Zaleha Kamarudin; Dr Rezal Khairi dan Pengarah Urusan Kencana Megajaya, Roger Heng pada Persidangan Teknologi Baharu Grafen di Kuala Lumpur, semalam.

# Syarikat perlu manfaatkan potensi inovasi grafen

➔ Usahawan  
sertai  
NGAP2020  
mampu jana  
pendapatan  
RM300 juta  
setahun

**Oleh Fahmy Azril Rosli**  
fahmy.azril@bh.com.m

**S**yarikat yang menyertai **Pelan Tindakan Grafen Kebangsaan 2020 (NGAP-2020)** berpotensi menjana pendapatan tahunan RM300 juta dan mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Setakat ini, **NanoMalaysia Bhd (NanoMalaysia)**, syarikat jaminan berhad di bawah Ke-

menterian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), sudah memeterai perjanjian dengan 12 syarikat pembuatan tempatan di bawah NGAP2020.

Antara bidang tumpuan utama yang dikenal pasti dalam NGAP2020 adalah getah, minyak dan gas (O&G), plastik, elektronik, tenaga boleh diperbaharui, pembinaan dan teknologi.

#### **Bantu syarikat PKS**

Menteri MOSTI, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, berkata pencapaian itu dapat membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang semakin banyak terbabit dalam mengaplikasikan grafen sebagai bahan dalam pembuatan produk mereka.

Katanya, potensi grafen amat besar, antaranya dalam pasaran industri getah global yang dianggarkan bernilai RM900 juta, yang mana Malaysia adalah peneraju dalam industri berkenaan sebagai pengeluar sarung tangan getah, kondom

dan tayar dapat mengambil peluang.

Beliau berkata, penggunaan grafen dapat meningkatkan kualiti getah untuk penghasilan produk berasaskan bahan itu, sekali gus meningkatkan daya saing negara ke peringkat global.

"Saya jangka interaksi luas antara institusi tempatan, PKS dan masyarakat bagi memacu serta melonjakkan ekonomi negara kita melalui produk serta penyelesaian berasaskan grafen dapat diketengahkan demi kebaikan sosial, alam sekitar dan menghadapi cabaran ekonomi dalam era masa kini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Persidangan Teknologi Baharu Grafen di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif NanoMalaysia, Dr Rezal Khairi Ahmad.

Madius turut menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara NanoMalaysia dengan IDC Global

Sdn Bhd, sekali gus membolehkan syarikat itu menggunakan pakai grafen sebagai bahan untuk industri pembinaan.

#### **Pacu institut penyelidikan, industri**

Madius berkata, menerusi aspirasi NGAP2020, pengkomersialan grafen dapat memacu institut penyelidikan dan industri bersama di bawah satu platform kolaborasi.

Katanya, ia dilihat dapat membantu aspek inovasi, pembangunan dan pengkomersialan grafen seiring kehendak serta cabaran revolusi industri.

"Ini kerana pendekatan NanoMalaysia dalam mengkomersialkan inovasi grafen menerusi NGAP2020 dibuat berdasarkan permintaan pasaran melalui platform inovasi terbuka.

"Ia seiring Pelan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang menumpukan pemain industri dan agensi pemantauan bagi pembangunan serta pembuatan produk," katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 18**  
**TARIKH: 11 JULAI 2017 (SELASA)**

## Pengeluar grafin sumbang pendapatan bernilai RM300j pada 2020

**KUALA LUMPUR** - Pelan Tindakan Grafin Negara 2020 (NGAP) berjaya menghasilkan 12 syarikat pengeluaran untuk membangunkan produk perindustrian berasaskan grafin untuk aplikasi dalam beberapa bidang seperti getah, minyak dan gas, plastik, elektronik dan tenaga boleh diperbaharui.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, syarikat terbabit mempunyai potensi untuk jana gabungan pendapatan RM300 juta dan

mewujudkan lebih 1,000 pekerjaan baharu dalam industri terpilih menjelang 2020.

Grafin industri pesat berkembang dan boleh jana faedah besar kepada Malaysia melalui pengkomersilan produk grafin yang dipertingkat jika kita memanfaatkan sepenuhnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Tahunan Grafin Malaysia 2017, semalam.

Grafin ialah lembaran karbon setebal satu atom yang menggabungkan kekuatan mekanikal melampau,

keberaliran elektronik dan terma luar biasa, ketakbolehtelapan kepada gas serta banyak bahan lain yang menjadikannya sangat menarik untuk pelbagai jenis aplikasi.

NGAP 2020 dilancar pada 2014 dan diterajui NanoMalaysia Bhd, hasil kerjasama meluas antara kerajaan Malaysia, sektor swasta, institut penyelidikan domestik dan antarabangsa dan ahli akademik untuk menilai bagaimana negara boleh dapat manfaat daripada potensi grafin. - *Bernama*

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (BESTARI) : MUKA SURAT 6**  
**TARIKH: 11 JULAI 2017 (SELASA)**

## KEJUTAN KEHADIRAN PERDANA MENTERI

**Kehadiran** Perdana Menteri secara mengejut pada program Keusahawan dan Pengekodan SPARK, menggembirakan 45 pelajar sekolah yang mengikuti bengkel itu.

Malah kedatangan Datuk Seri Najib Razak itu menaikkan semangat peserta serta meningkatkan sifat kreatif mereka pada bengkel anjuran **Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP)**, bersempena dengan acara GREAT (Gabungan Rakan Usahawan Aspirasi Terhebat) Sabah 2017.

**Ketua Pegawai Eksekutif MAVCAP** Jamaludin Bujang berkata SPARK bertujuan memperkenalkan pelajar sekolah kerajaan kepada bidang keusahawanan dan pembangunan melalui penekanan aspek

pembentukan idea, pengesahan, penciptaan, pengekodan dan pitching.

Jelasnya peserta juga didedahkan penggunaan alat penciptaan seperti LiveCode untuk mencipta aplikasi yang dapat menukarkan sesebuah idea menjadi realiti.

"Pelajar terbukti bekerja keras dan bersemangat sepanjang program ini, selain menghasilkan idea-idea yang relevan dan inovatif.

"Mereka ialah bakat muda yang cemerlang dan kami gembira dapat menyediakan platform ini untuk memberi inspirasi kepada mereka melalui pendedahan yang lebih besar terhadap keusahawanan dan membantu mereka mengasah kemahiran



bekerja dalam bidang pemrograman dan penciptaan aplikasi perisian yang kini sedang berkembang pesat.

"Ini selari dalam menyokong objektif kerajaan untuk mempercepat proses inovasi dan keusahawanan demi

menyumbang kepada pembangunan negara kita," katanya.

Antara aplikasi inovatif yang dicipta pada program itu ialah Pasar.com iaitu aplikasi yang membantu pengguna menempah barangan segar dari pasaran melalui dalam

talian, selain Search and Go iaitu pengesan peribadi dalam bentuk pelekat untuk mengesan barangan kecil dalam radius 1 kilometer (km) serta Fesyen DIY yang membantu pengguna untuk mereka cipta pakaian mengikut gaya peribadi.



**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 5**  
**TARIKH: 11 JULAI 2017 (SELASA)**

Hasil bedah siasat pelajar tahfiz Mohamad Thaqif Amin

# Mati akibat kencing tikus

Oleh SHARAIMEI  
SHAIK AHMEDULLAH  
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 10 JULAI

**H**ASIL bedah siasat yang dilakukan terhadap murid madrasah tahfiz Al-Jauhar, Allahyarham Mohamad Thaqif Amin Mohd. Ghaddafi, 11, yang meninggal dunia pada 26 April lalu didapati berpunca daripada jangkitan kencing tikus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, penyebab kematiannya dirumitkan dengan keadaan kulit nekrosis dan pembentukan bekuan darah mikro di seluruh saluran darah yang mengakibatkan perubahan warna kulit, seterusnya melibatkan kegagalan organ untuk berfungsi.

"Proses bedah siasat bagi mengetahui sebab kematiannya telah dilakukan pada pukul 6 petang hari yang sama. Beberapa sampel tisu dan darah telah diambil dan dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan juga ke Jabatan Kimia Malaysia bagi tujuan analisis.

"Hasil keputusan bedah siasat dijalankan mendapati pelajar tahfiz tersebut meninggal du-



Mohamad Thaqif Amin, pelajar tahfiz meninggal dunia

## MENYAYAT HATI

KERATAN Utusan Malaysia 27 April 2017.



NOOR HISHAM

nia disebabkan oleh penyakit dan bukannya trauma atau kecederaan seperti yang tular," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mohamad Thaqif Amin meninggal dunia selepas seminggu dimasukkan ke hospital iaitu mulai 19 April lalu untuk dirawat selepas kakinya cedera dipercayai dipukul oleh pembantu warden di sekolah tahfiz tempatnya belajar.

Selepas kedua-dua belah kakinya dipotong, tangan kanan

Mohamad Thaqif Amin pula dijangkiti kuman akibat darah beku dan dijadualkan turut dipotong, namun pembedahan terpaksa ditangguhkan kerana jantungnya dilaporkan tidak stabil.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, proses bedah siasat itu telah dilakukan oleh sebuah jawatankuasa khas siasatan terdiri daripada pakar perunding forensik yang mahir dan berpengalaman luas dalam pengendalian kes-kes rumit.

Laporan bedah siasat tersebut juga telah dikemukakan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tindakan lanjut.



**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (ISU) : MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 11 JULAI 2017 (SELASA)**

**KES PELAJAR TAHFIZ MATI DIDERA**

# 'Tak diberitahu anak mati akibat kencing tikus'

➔ Keluarga tolak laporan bedah siasat dikeluarkan Kementerian Kesihatan, serah kes kepada peguam



**Keratan akhbar**  
**BH** pada  
27 April lalu.

**Oleh S Anand Kumar**  
anand@bh.com.my

► **Johor Bahru**

**K**eluarga pelajar tahfiz, Al-lahyarham Mohamad Thaqif Amin Mohd Gaddafi, menolak laporan bedah siasat yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan, semalam, bahawa remaja itu meninggal dunia akibat kencing tikus.

Ibunya, Felda Wani Ahmad, 40, turut mempersoalkan mengapa laporan bedah siasat itu tidak dimaklumkan kepada pihak keluarga, sebaliknya hanya diketahui menerusi laporan media yang disiarkan petang semalam.

"Sudah lebih dua bulan anak saya meninggal dunia dan sehingga hari ini (semalam) kami juga tidak menerima apa-apa laporan perubatan bagi mengetahui punca kematiannya.

"Sebaliknya, petang tadi (sema-

lam) saya menerima banyak panggilan daripada pihak media yang ingin bertanya komen keluarga bahawa arwah meninggal dunia disebabkan kencing tikus dan bukannya kecederaan lain.

"Saya pelik jika disebabkan kencing tikus apakah perlu dipotong kaki arwah. Selain itu, bukankah kencing tikus boleh dikesan lebih awal dan tidak perlu menunggu sehingga lebih dua bulan untuk mengeluarkan laporan," katanya ketika ditemui di kediamannya di Taman Bukit Tiram di sini, semalam.

Semalam, laporan bedah siasat mendapati kematian Mohamad Thaqif yang kakinya terpaksa dipotong selepas dikatakan dipukul warden asrama, pada 26 April lalu, disahkan akibat penyakit kencing tikus dan bukannya kecederaan lain.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia berdasarkan proses bedah siasat dijalankan pada hari sama pelajar itu meninggal dunia

dengan beberapa sampel tisu dan darah diambil sebelum dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan **Jabatan Kimia Malaysia** bagi tujuan analisis.

## **Jawatankuasa Khas Siasatan**

Beliau berkata, susulan daripada kejadian itu juga, satu Jawatankuasa Khas Siasatan ditubuhkan bagi menyalut kes ini yang terdiri daripada Pakar Perunding Forensik yang mahir dan berpengalaman luas dalam pengendalian kes rumit.

Katanya, punca kematian disebabkan leptospirosis (kencing tikus) dan dirumitkan dengan keadaan kulit nekrosis serta pembentukan bekuan darah mikro (microthrombi) di seluruh saluran darah yang mengakibatkan perubahan warna kulit dan seterusnya membabitkan kegagalan organ berfungsi.

Felda Wani berkata, beliau dan suaminya, Mohd Gaddafi Mat Karim, 45, langsung tidak dapat menerima laporan bedah siasat ber-

kenaan, sebaliknya sudah melantik peguam baru-baru ini bagi menguruskan kes berkenaan.

"Petang tadi (semalam), saya turut menghubungi peguam dan memaklumkan kepada beliau pihak kementerian langsung tidak menghubungi keluarga untuk memaklumkan laporan bedah siasat ini.

"Memang saya dan suami amat terkilan kerana hanya mengetahui mengenai laporan itu menerusi media, malah kami tidak dapat menerima laporan kematian anak saya disebabkan kencing tikus.

"Tidak mengapa, kami sudah menyerahkan perkara ini kepada peguam termasuk mahu mendapatkan penjelasan kementerian dan mahukan laporan penuh perubatan," katanya.

Katanya, beliau sedar anaknya tidak akan kembali, namun mereka sekeluarga mahu keadilan kerana wujud pelbagai persoalan di sebalik hasil laporan bedah siasat dikemukakan pihak kementerian.



**Felda sebak menjawab soalan media** turut bersama suaminya Mohd Gaddafi Md Karim pada sidang media di kediamannya di Taman Bukit Tiram, semalam.



<http://www.bernama.com/bernama/v8/newsindex.php?id=1370986>

## **GRAPHENE MANUFACTURERS TO CONTRIBUTE RM 300 MIL REVENUE BY 20101**

KUALA LUMPUR, July 10 (Bernama) -- The National Graphene Action Plan 2020 (NGAP) has graduated 12 manufacturing companies to develop graphene-based industrial products for applications in several areas such as rubber, oil and gas, plastics, electronics and renewable energy.

Science, Technology and Innovation Minister, Datuk Seri Madius Tangau said these companies had the potential to generate a combined revenue of RM300 million and would create more than 1,000 new jobs in selected industries by 2020.

"Graphene is a growing industry and could generate substantial upside for Malaysia through the commercialisation of graphene-enhanced products if we leverage its full potential," he told reporters after officiating the annual Graphene Malaysia 2017 conference, here today.

Graphene is a one-atom-thick sheet of carbon that combines extreme mechanical strength, exceptional electronic and thermal conductivities, impermeability to gases, as well as many other properties that make it highly attractive for a broad range of applications.

The NGAP 2020, launched by the government in 2014 and led by NanoMalaysia Bhd, is the result of an extensive collaboration between the Malaysian government, private sector, domestic and international research institutes and academia to assess how the country can benefit from the graphene potential.

Earlier, Madius witnessed the Memorandum of Understanding document exchange between NanoMalaysia and IDC Global Sdn Bhd to deploy graphene-based building materials for the construction industry.

NanoMalaysia Chief Executive Officer, Dr Rezal Khairi Ahmad said the 12 companies were among 20 firms being established as graphene-related product manufacturers under the NGAP.

"We are assisting these 12 companies within the next six to 12 months to establish the graphene-related manufacturing, with each company getting RM200,000 fund from the government.

"Graphene is expected to play a revolutionary role in the coming years, with Malaysia getting the opportunity to become one of the early leaders in the industry.


"Since 2014, the NGAP 2020 has activated 24 industrial projects with participants from local and foreign innovation partners," he added.



KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 18  
TARIKH: 11 JULAI 2017 (SELASA)

18 Nation

THE STAR, TUESDAY 11 JULY 2017





KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
**NEGARAKU**

# THE NATIONAL INNOVATION AWARD (AIN) 2017



Cash  
Prizes  
Waiting  
For You!

Call for  
entries

How to  
apply

CATEGORIES	CASH PRIZE	CLOSING DATE
Products	RM 50,000.00	31 July 2017 (Mon)
Services	RM 50,000.00	31 July 2017 (Mon)
Grassroots	RM 20,000.00	31 July 2017 (Mon)
School	RM 10,000.00	31 July 2017 (Mon)
Print Media	RM 10,000.00	31 July 2017 (Mon)
Electronic Media	RM 10,000.00	31 July 2017 (Mon)

The application form can be downloaded from  
our website, <http://ain.mosti.gov.my>

Further details can be obtained at  
<http://ain.mosti.gov.my>



**12-16 OCTOBER 2017**  
TECHNOLOGY PARK MALAYSIA,  
PUSAT SAINS NEGARA & PLANETARIUM NEGARA



1MOSTI myMOSTI myMOSTI oneMOSTI <http://ain.mosti.gov.my>



**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 31**  
**TARIKH: 11 JULAI 2017 (SELASA)**

**SETIAP SELASA**  
Jom kongsi gambar atau video menarik berserta keterangan di ruangan komuniti Harian Metro Google+ HMMive di <http://hmetro.com/myHMMive>

11-07-2017

setempat

31

HARIAN METRO

**NEGARAKU**

**ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN) 2017**



Hadiah Wang Tunai Menanti Andai

Penyertaan SEGERA

Cara Memohon

KATEGORI	HADIAH	TARIKH TUTUP
Produk	RM 50,000.00	31 Julai 2017 (Isnin)
Perkhidmatan	RM 50,000.00	31 Julai 2017 (Isnin)
Akar Umbi	RM 20,000.00	31 Julai 2017 (Isnin)
Sekolah	RM 10,000.00	31 Julai 2017 (Isnin)
Media Cetak	RM 10,000.00	31 Julai 2017 (Isnin)
Media Elektronik	RM 10,000.00	31 Julai 2017 (Isnin)

Borang permohonan boleh dimuat turun di laman portal AIN <http://ain.mosti.gov.my>

Maklumat permohonan boleh diperolehi di laman web <http://ain.mosti.gov.my>

**12-16 OKTOBER 2017**  
TECHNOLOGY PARK MALAYSIA,  
PUSAT SAINS NEGARA DAN  
PLANETARIUM NEGARA

  
1MOSTI

  
myMOSTI

  
myMOSTI

  
oneMOSTI

  
<http://ain.mosti.gov.my>